



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542

Ruj. Kami : KKM.600-21/7/6/Jld.18(77)
Tarikh : 14 Ogos 2024

Semua pengamal perubatan berdaftar penuh

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
BILANGAN 14 TAHUN 2024: PENARIKAN SEMULA KEMUDAHAN
KELONGGARAN KHIDMAT WAJIB (KATEGORI PENGURANGAN DAN
KATEGORI PENGECUALIAN II) BERDASARKAN AKTA PERUBATAN 1971
(AKTA 50)**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 14 Tahun 2024 ini bertujuan sebagai pemakluman penarikan semula kemudahan kelonggaran (kategori pengurangan dan kategori pengecualian II) khidmat wajib mengikut seksyen 42 Akta 50.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Khidmat wajib bermaksud perkhidmatan yang perlu dijalankan oleh pengamal perubatan berdaftar penuh seperti yang telah disampaikan kepadanya melalui notis bertulis oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) menurut seksyen 40 Akta 50 supaya memegang suatu jawatan perubatan dalam apa-apa jawatan dalam mana-mana perkhidmatan awam bagi suatu tempoh terus menerus tidak kurang daripada dua (2) tahun setelah diberikan pendaftaran penuh oleh Majlis Perubatan Malaysia.
- 2.2. Kelonggaran khidmat wajib diberikan atas kuasa Menteri berdasarkan seksyen 42 bagi kategori pengurangan, penangguhan dan pengecualian. Manakala kategori ambil kira adalah dibawah kuasa Ketua Pengarah Kesihatan.

2.3. Jenis kelonggaran khidmat wajib adalah:

2.3.1. Kategori pengurangan:

Pengamal perubatan berdaftar penuh yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam perkhidmatan awam dari tarikh Perakuan Pendaftaran Penuh, dan berhasrat untuk berkhidmat di sektor swasta.

2.3.2. Kategori penangguhan

Pengamal perubatan berdaftar penuh yang perlu meninggalkan KKM atau perkhidmatan awam lain sebelum tempoh dua tahun dan berhasrat untuk menyelesaikan tempoh khidmat wajib sebaik sahaja tempoh penangguhan tamat.

2.3.3. Kategori ambil kira

Pengamal perubatan berdaftar penuh yang ingin menyertai sektor akademik atau telah mendapat tawaran kerja di agensi awam lain selain KKM atau ATM.

2.3.4. Kategori pengecualian

2.3.4.1. Pengecualian I

Warganegara Malaysia yang beramal di luar negara dan berhasrat untuk pulang dan beramal di Malaysia layak dipertimbangkan untuk pengecualian sekiranya berumur 40 tahun dan ke atas pada masa permohonan serta bukti amalan perubatan terkini sekurang-kurangnya untuk tempoh 5 tahun.

2.3.4.2. Pengecualian II

Pengamal perubatan berdaftar penuh yang tidak mendapat sebarang tawaran pekerjaan di dalam perkhidmatan awam selepas 6 bulan memohon pekerjaan.

3. PENARIKAN

3.1. Penarikan kemudahan ini melibatkan kelonggaran (**kategori pengurangan dan kategori pengecualian II**) khidmat wajib sahaja, manakala tiga kelonggaran lainnya iaitu kategori penangguhan, kategori pengecualian I dan kategori ambil kira diuruskan seperti biasa.

3.2. Penarikan ini adalah selaras dengan objektif pelaksanaan khidmat wajib iaitu:

3.2.1. Untuk mengatasi masalah kekurangan pengamal perubatan berdaftar penuh di dalam sektor awam;

3.2.2. Memastikan pengagihan pengamal perubatan berdaftar penuh memenuhi keperluan perkhidmatan; dan

3.2.3. Sebagai satu keperluan pendedahan klinikal bagi meningkatkan kemampuan dan kemahiran klinikal pengamal perubatan berdaftar penuh.

3.3. Selain itu, penarikan ini adalah sebagai **satu bentuk kawalan** untuk memastikan objektif tersebut dapat dipenuhi memandangkan peningkatan jumlah pengamal perubatan yang meninggalkan perkhidmatan awam lebih awal ke sektor lain. Situasi ini secara umumnya telah menjejaskan kelangsungan perkhidmatan perubatan khususnya di sektor awam.

4. SEKATAN TERHADAP PENGAMAL PERUBATAN YANG GAGAL MEMATUHI KHIIDMAT WAJIB

4.1. Adalah menjadi suatu kesalahan menurut subseksyen 40(2) dan seksyen 41, bagi mana-mana pengamal perubatan berdaftar penuh yang tidak melaksanakan khidmat wajib melainkan mendapat pengurangan, pengecualian atau penangguhan tempoh perkhidmatan (secara kolektif dirujuk sebagai “kelonggaran”).

4.2. Disamping itu, apabila pertuduhan di bawah subseksyen 40(2) atau di bawah seksyen 41 dibuktikan dalam mahkamah terhadap mana-mana pengamal perubatan berdaftar penuh, pendaftaran orang itu di bawah seksyen 14 hendaklah disifatkan sebagai terbatal, dan Pendaftar hendaklah memotong nama orang itu daripada Daftar.

4.3. Sehubungan dengan itu, semua pengamal perubatan berdaftar penuh hendaklah memenuhi tuntutan tersebut dengan memuaskan hati Ketua Pengarah Kesihatan berdasarkan seksyen 41 akta yang sama.

4.4. Penalti am menurut subseksyen 35(1) dan (2):

35.(1) Sesiapa yang bersalah atas sesuatu kesalahan terhadap Akta ini yang baginya tiada sesuatu penalti tertentu diperuntukkan boleh, apabila disabitkan dikenakan –

(a) Bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan

(b) Bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

(2) Berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang berterusan orang itu boleh dikenakan penalti selanjutnya sebanyak satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan sebagai tambahan kepada penalti di bawah perenggan (1)(a) dan (b) itu masing – masing.

5. TARIKH KUATKUASA


- 5.1. Penarikan semula kemudahan kelonggaran khidmat wajib ini **berkuatkuasa serta merta**.
- 5.2. Mana-mana permohonan yang diterima lengkap sebelum tarikh kuatkuasa surat pekeliling ini boleh dipertimbangkan berdasarkan garis panduan semasa.
- 5.3. Sebarang pertanyaan tentang penarikan semula kemudahan kelonggaran khidmat wajib boleh dirujuk kepada:

Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P. Putrajaya
Email : u_k.wajib@moh.gov.my

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

s.k:

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Perubatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan YBMK
Pejabat Menteri Kesihatan

Semua Pengarah Kesihatan Negeri